

KEMPEN “SALARY FINANCING-i CASH BACK” - TERMA DAN SYARAT

1. Tempoh Kempen

Kempen “Salary Financing-i Cash Back Campaign” (“Kempen”) ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411), (secara kolektif digelar ‘kami’ atau Maybank) bermula dari 15 Februari 2023 sehingga 15 June 2023, , termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”).

2. Kelayakan

- i. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pelanggan Malayan Banking Berhad dan/atau Maybank Islamic Berhad baru dan sedia ada berumur 18 tahun dan ke atas, kedua-dua berwarganegara Malaysia. Kakitangan Kumpulan Maybank dan subsidiary juga layak untuk menyertai kempen ini (“Pelanggan yang Layak”).
- ii. Walaubagaimanapun, individu berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
 - a. Pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi / pertubuhan amal / bukan keuntungan, pelanggan korporat dan komersial
 - b. Individu di bawah umur 18 tahun

3. Kriteria Kelayakan & Penyertaan untuk Kempen

- i. Kempen ini terbuka kepada Pelanggan yang Layak yang memohon Pembiayaan Peribadi-i kami dengan jumlah pembiayaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00) atas nama individu (“Produk Penyertaan”).
- ii. Pelanggan yang Layak akan menerima penyertaan secara automatik ke dalam Kempen berdasarkan permohonan dan pengeluaran pembiayaan Produk Penyertaan yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen seperti kriteria di bawah :-

Jumlah Pembiayaan	Bilangan Penyertaan
sehingga RM 200,000	10
RM200,000 ke atas	20

- iii. Sekiranya permohonan Pelanggan yang Layak untuk Produk Penyertaan tidak berjaya dengan apa juga sebab, Pelanggan yang Layak tersebut tidak layak menyertai Kempen ini.

3. Hadiah

- i. Pemenang yang terpilih akan diberi ganjaran tunai (“Hadiah”) seperti yang diperincikan di bawah:

KEMPEN “SALARY FINANCING-i CASH BACK” - TERMA DAN SYARAT

Hadiah Bulanan	Hadiah & bilangan pemenang setiap bulan	Jumlah Pemenang (4 bulan)
Hadiah Utama	3% pulangan tunai sehingga RM 10,000 x 1 pemenang	4 pemenang
Hadiah Saguhati	RM300 pulangan tunai x 20 pemenang	80 pemenang

- ii. Maybank berhak untuk menukar atau menggantikan Hadiah dengan mana-mana – barang lain yang mempunyai nilai pasaran yang sama mengikut budi bicara yang munasabah dengan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemenang melalui pengumuman yang dibuat di laman web Maybank di www.maybank2u.com.my (“Laman Web Maybank2u”).
- iii. Hadiah tidak boleh ditukar, tidak boleh dipindah milik, dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai atau hadiah lain dan tertakluk kepada terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh Maybank.
- iv. Hadiah tidak boleh dipindahkan ke mana-mana jenis akaun Maybank atau pengguna Maybank lain, dan ia tidak boleh ditukar dengan ganjaran lain.
- v. Hadiah Saguhati akan dikreditkan ke dalam akaun Simpanan & Akaun Semasa Maybank / Maybank Islamic Pemenang dalam tempoh tiga (3) bulan selepas akhir bulan. Hadiah Utama akan dikreditkan ke dalam akaun Simpanan atau Akaun Semasa Maybank / Maybank Islamic Pemenang dalam tempoh sebulan selepas tamat Tempoh Kempen.
- vi. Setiap pemenang layak untuk menerima satu Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
- vii. Pemenang yang layak akan dipilih secara rawak oleh sistem pengacak yang dikendalikan oleh Maybank.
- viii. Kami tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan, kerugian atau kehilangan yang berkaitan dengan Hadiah Kempen ini.

4. Pemilihan Pemenang

Prosedur pemilihan pemenang adalah seperti berikut:

- i. Terdapat seramai 21 pemenang bulanan sepanjang Tempoh Kempen dan pemilihan pemenang akan dibuat sepanjang dan selepas Tempoh Kempen.
- ii. Pemenang akan dipilih dalam masa tiga (3) bulan selepas akhir bulan.
- iii. Maybank akan membuat maksimum lima (5) percubaan panggilan semasa waktu bekerja (9:00 pagi hingga 6:00 petang) dalam tempoh tiga (3) hari perniagaan untuk menghubungi Pemenang pada nombor terkini yang diberikan kepada Maybank seperti yang ditunjukkan dalam rekod Maybank untuk pengesahan. Kami mempunyai budi bicara untuk menetapkan tarikh dan masa untuk membuat panggilan telefon kepada Pelanggan yang Layak yang tersenarai pendek. Kami tidak akan bertanggung jawab atas panggilan yang dibuat kepada Pemenang yang (i) tidak selesai atau terputus kerana sebab apa pun (ii) tidak dijawab atau diteruskan kerana tidak ada

KEMPEN “SALARY FINANCING-i CASH BACK” - TERMA DAN SYARAT

Pelanggan yang Layak yang tersenarai pendek pada tarikh dan waktu yang ditetapkan dan / atau kerana sebab-sebab lain.

- iv. Panggilan telefon yang dibuat kepada Pelanggan yang Layak yang tersenarai pendek akan didasarkan pada nombor telefon yang disediakan oleh Pelanggan yang Layak dan disimpan dalam rekod kami. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk memastikan bahawa nombor telefon mereka yang diberikan kepada kami adalah terkini dan dikemas kini.
- v. Kami berhak untuk merakam perbualan telefon tersebut.
- vi. Senarai pemenang juga akan diumumkan di Laman Web Maybank2u dalam tempoh tiga (3) bulan selepas akhir bulan
- vii. Pemenang mungkin diminta untuk menghadiri upacara penyampaian Hadiah dan / atau program publisiti lain, sekiranya perlu, dan Pemenang bersetuju dengan sebarang pendedahan dengan cara apa pun yang ditentukan oleh Maybank. Kegagalan menghadiri upacara penyampaian Hadiah dan / atau program publisiti lain akan menyebabkan kehilangan Hadiah.

6. Terma & Syarat Lain

- i. Permohonan Pelanggan yang Layak untuk Produk Penyeretaan pada pemeriksaan kredit standard kami dan penerimaan Pelanggan yang Layak terhadap terma dan syarat berkaitan produk Pembiayaan Peribadi-i kami yang berlainan dari terma dan syarat Kempen ini.
- ii. Dengan menyertai dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah membaca dan setuju untuk terikat dengan terma dan syarat di sini dan semua keputusan yang dibuat oleh kami sehubungan dengan setiap aspek Kempen ini akan menjadi muktamad. Sebarang surat-menyurat, tunjuk perasaan, rayuan atau pertanyaan berikutnya tidak akan dilayan.
- iii. Ciri-ciri dan mekanik penyeretaan di bawah Kempen ini, termasuk jumlah dan jenis Hadiah, boleh berubah pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa oleh kami, mengikut budi bicara kami, dengan mengemaskini maklumat Kempen di laman web www.maybank2u.com.my, atau dengan kaedah lain yang kami anggap praktikal, dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari sebelumnya kepada Pelanggan yang Layak.

7. Terma & Syarat Umum

- i. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- ii. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan

KEMPEN “SALARY FINANCING-i CASH BACK” - TERMA DAN SYARAT

memberikan sekurang- kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

- iii. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- iv. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my (“*Maybank Privacy Statement*”) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- a) tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

*Nota: “PDPA” merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- v. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak

KEMPEN “SALARY FINANCING-i CASH BACK” - TERMA DAN SYARAT

terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau peninggalan melampau oleh Maybank.

- vi. Maybank tidak akan bertanggung bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- vii. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- viii. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- ix. Untuk sebarang maklumat pertanyaan, maklum balas dan / atau aduan yang berkaitan dengan Kempen, sila hubungi talian hotline Pusat Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank di 1 300 88 6688 (Malaysia) atau +603 7844 3696 (luar negara). Sebagai alternatif untuk maklum balas dan / atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman sesawang Maybank2u (www.maybank2u.com.my)

Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.